

# TRIPLORIDINE-P SYRUP

Triprolidine hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (1.25mg/30mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Triprolidine-P*
2. Bagaimana *Triprolidine-P* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Triprolidine-P*
4. Cara menggunakan *Triprolidine-P*
5. Semasa menggunakan *Triprolidine-P*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Triprolidine-P*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Triprolidine-P*

Ia digunakan untuk melegakan kesesakan hidung dan saluran pernafasan, selesama, inflamasi sinus akut dan alergi inflamasi hidung.

## Bagaimana *Triprolidine-P* berfungsi

*Triprolidine-P* adalah ubat mengandungi pseudoephedrine hydrochloride, yang mengurangkan kesesakan hidung dan sinus, dan triprolidine hydrochloride, antihistamina yang membantu menghentikan bersin, hingus dan mata berair.

## Sebelum menggunakan *Triprolidine-P*

### - *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan ambil *Triprolidine-P* jika

- ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Triprolidine-P*
- sedang memakan atau telah makan ubat kemurungan pada 2 minggu lepas, yang dikenali sebagai monoamine oxidase inhibitors.
- menyusukan anak.

### - *Sebelum menggunakan *Triprolidine-P**

Keselamatan penggunaan pada wanita hamil belum disahkan. Jangan guna untuk kanak-kanak kurang daripada 2 tahun. Sila minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi dan guna dengan berhati-hati untuk kanak-kanak dari 2 – 6 tahun. Beritahu doktor jika mempunyai

- penyakit yang berkaitan dengan jantung dan saluran darah
- tekanan tinggi dalam mata
- tekanan darah tinggi
- kelenjar tiroid terlalu aktif
- penambahan saiz prostat.

### - *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan tricyclic antidepressants (untuk kemurungan), atropine (untuk kekejangan perut) dan sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Triprolidine-P*

### - *Berapa banyak harus digunakan*

Dewasa: 2 camca teh tiga atau empat kali

sehari mengikut keperluan. Kanak-kanak 6 – 12 tahun: 1 camca teh tiga atau empat kali sehari. Kanak-kanak 2 – 5 tahun:  $\frac{1}{2}$  camca teh tiga kali sehari.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - *Bila perlu digunakan*

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - *Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)*

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda klinikal termasuk tidak stabil, muka memerah, kesesakan nafas, halusinasi (pendengaran, bau, rasa atau perasaan perkara yang tidak wujud), pening,sawan, kekeringan mulut, kerongkong atau hidung teruk, sakit kepala berterusan dan denyutan jantung perlahan atau cepat yang luar biasa.

## Semasa menggunakan *Triprolidine-P*

### - *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Triprolidine-P*.

Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Triprolidine-P* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan kerja yang memerlukan kecerdasan mental kerana mungkin akan menyebabkan anda mengantuk. Elakkan minuman alkohol.

## Kesan-kesan sampingan

*Triprolidine-P* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Mengantuk, keletihan, pening, loya, muntah, sakit gastrik, kabur penglihatan, kekeliruan, susah kencing, denyutan jantung cepat dan kuat, sakit kepala, telinga berdesing, mulut kering, anoreksia(gangguan pemakanan) dan resah kadang-kala mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550,atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Triprolidine-P*

### - *Penyimpanan*

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - *Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - *Rupa dan warna produk*

Sirap warna kuning berperisa lemon.

### - *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif: triprolidine hydrochloride dan pseudoephedrine hydrochloride
- Bahan tidak aktif: liquid glucose,methyl parabens, propyl parabens,sodium citrate, citric acid, perisa lemon, quinoline yellow, sirap dan air.

### - *Nombor MAL*

MAL19890601AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

16/03/2017

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)150317/00034